SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai serta nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 4 hingga 24, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang pada 31 Disember 2019, penyata prestasi kewangan dan penyata perubahan ekuiti serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), Ordinan Wakaf-wakaf Hindu (Originan 17), 1905 dan Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bab 175 Tahun 1989.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions.*

Emphasis of Matter

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara seperti yang dinyatakan di Nota 3 kepada Penyata Kewangan seperti berikut:

Kerja-kerja ubahsuai kuil di Bukit Waterfall yang berjumlah RM142,846 telah selesai dilaksanakan dalam tahun kewangan 2019 tetapi Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang hanya mengiktiraf nilai aset setakat bayaran yang dibuat kepada kontraktor berjumlah RM100,000 sehingga 31 Disember 2019. Ini menyebabkan aset terkurang nyata berjumlah RM42,846 di penyata kewangan tahun 2019.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Pesuruhjaya-pesuruhjaya Lembaga, Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pesuruhjaya-pesuruhjaya Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Pesuruhjaya-pesuruhjaya Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang yang memberi gambaran benar dan saksama selaras Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), Ordinan Wakaf-wakaf Hindu (Originan 17),1905 dan Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bab 175 Tahun 1989. Pesuruhjaya-pesuruhjaya Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pesuruhjaya-pesuruhjaya Lembaga.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pesuruhjaya-pesuruhjaya Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang memberi gambaran yang saksama.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Pesuruhjaya-pesuruhjaya Lembaga berdasarkan Ordinan Wakaf-wakaf Hindu (Originan 17), 1905 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(MAZMIZA BINTI MIHAT)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

KEPALA BATAS, PULAU PINANG
23 OKTOBER 2020

LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG
(Diperbadankan di Malaysia)

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN

Saya, Surentharan A/L Ramadas, Setiausaha dan pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang, dengan ikhlasnya mengakui bahawa akaun-akaun di mukasurat 4 hingga 24 mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Pulau Pinang pada)
26 JUN 2020)

.....
SURENTHARAN A/L RAMADAS

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
No. P.156
Name: HAJI MOHAMED YUSOFF BIN MOHD. IBRAHIM
01-01-2019 - 31-12-2021
MALAYSIA

.....
PESURUHJAYA SUMPAH

NO. 97, LEBUH BISHOP
10200 PULAU PINANG

UHY

UHY TAC (AF002023)
Chartered Accountants
51-11-F, Menara BHL
Jalan Sultan Ahmad Shah
10050 Penang, Malaysia

Phone +60 4 210 0100
Fax +60 4 210 0101
Email uhy-pg@uhy-my.com
Web www.uhy.com.my

LAPORAN AKAUNTAN KEPADA AHLI-AHLI
LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG

Kami telah menyediakan penyata kewangan **LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG** yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2019, penyata untung dan rugi dan penyata aliran tunai Lembaga bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan ke atas kepentingan polisi perakaunan dan lain-lain nota penjelasan, dibentangkan di muka surat 4 hingga 24.

Penyediaan penyata kewangan adalah tanggungjawab ahli jawatankuasa. Tanggungjawab ini adalah termasuk merencana, melaksana dan memelihara kawalan dalaman yang berkaitan dengan persembahan penyata kewangan bebas dan risalah nyata ketara, sama ada penipuan atau kesalahan; memilih dan menggunakan polisi perakaunan yang bersesuaian; dan membuat penaksiran perakaunan yang munasabah dalam sesuatu keadaan.

Dalam penyediaan penyata kewangan, pihak ahli jawatankuasa adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan pihak pengurusan sama ada berniat untuk membubarkan Lembaga atau berhenti operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab kami seperti termaktub di dalam perjanjian adalah menyediakan penyata kewangan pada masa yang ditetapkan untuk kegunaan dan kebaikan pihak Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang dan ahli-ahli Lembaga dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada pihak lain ke atas kandungan laporan ini.

Pada pendapat kami, penyata kewangan telah disediakan dengan sempurna mengikut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960 dan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia untuk memberi gambaran benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Lembaga pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

UHY TAC
Nombor Firma: AF002023
Akauntan Bertauliah

KHOO TENG JIN
Nombor Kelulusan: 3001/04/21(J)
Akauntan Bertauliah

Pulau Pinang,

26 JUN 2020

A member of UHY International, a network of independent accounting and consulting firms

KUALA LUMPUR Suite 11.05, Level 11, The Gardens South Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia. Phone +60 3 2279 3088 Fax +60 3 2279 3099

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2019

	NOTA	2019 RM	2018 RM (Seperti yang dinyatakan semula)
Aset			
Aset Bukan Semasa			
Hartanah, loji dan peralatan	3	20,107,367	19,923,681
Jumlah Aset Bukan Semasa		20,107,367	19,923,681
Aset Semasa			
Pelbagai penghutang	4	111,316	81,970
Bayaran terdahulu dan wang cagaran	5	268,835	74,019
Tunai dan kesetaraan tunai	6	3,337,473	2,245,316
Jumlah Aset Semasa		3,717,624	2,401,305
Jumlah Aset		23,824,991	22,324,986
Ekuiti dan Liabiliti			
Liabiliti Semasa			
Pelbagai pemiutang	7	25,250	28,681
Perbelanjaan terakru dan cagaran diterima	8	166,985	96,226
Jumlah Liabiliti Semasa		192,235	124,907
Ekuiti			
Tabung bangunan		1,392,766	1,392,766
Tabung kebajikan		52,486	157,583
Tabung pelajaran		-	204,868
Tabung kebajikan dan pelajaran		534,012	144,603
Rizab Am	9	194,687	194,687
Rizab penilaian semula	10	640,818	640,818
Keuntungan terkumpul	11	20,817,987	19,464,754
Jumlah Ekuiti		23,632,756	22,200,079
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		23,824,991	22,324,986

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian asasi untuk akaun ini

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	NOTA	2019 RM	2018 RM
Pendapatan operasi	12	5,787,597	6,228,801
Pendapatan operasi lain	13	706,602	609,902
Jumlah pendapatan		6,494,199	6,838,703
Tolak:			
Perbelanjaan pengurusan	14	218,025	210,598
Bantuan kewangan untuk pendidikan dan kebajikan	15	-	545,062
Perbelanjaan operasi	16	3,440,023	3,634,387
Perbelanjaan pekerja	17	1,413,746	1,274,013
Jumlah perbelanjaan		5,071,794	5,664,060
Lebihan daripada operasi		1,422,405	1,174,643
Kos kewangan	18	(1,763)	(2,534)
LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CARUMAN		1,420,642	1,172,109
Tolak:			
Caruman 20% fi pengurusan kepada Tabung Kebajikan & Pelajaran		67,409	61,496
LEBIHAN PENDAPATAN SELEPAS CARUMAN		1,353,233	1,110,613

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian asasi untuk akaun ini

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Tabung Bangunan RM	Tabung Kebajikan RM	Tabung Pelajaran RM	Tabung Kebajikan dan Pelajaran RM	Rizab am RM	Rizab penilaian semula RM	Keuntungan terkumpul RM	Jumlah RM
Baki pada 31 Disember 2017	1,392,766	157,583	204,868	23,107	194,687	640,818	18,414,141	21,027,970
Penerimaan semasa	-	-	-	61,496	-	-	-	61,496
Lebihan dalam tahun	-	-	-	-	-	-	1,110,613	1,110,613
Pelarasan tahun lalu	-	-	-	60,000	-	-	(60,000)	-
Baki pada 31 Disember 2018	1,392,766	157,583	204,868	144,603	194,687	640,818	19,464,754	22,200,079
Penerimaan semasa	-	2,000	-	539,379	-	-	-	541,379
Pengunaan semasa	-	(107,097)	(204,868)	(149,970)	-	-	-	(461,935)
Lebihan dalam tahun	-	-	-	-	-	-	1,353,233	1,353,233
Baki pada 31 Disember 2019	1,392,766	52,486	-	534,012	194,687	640,818	20,817,987	23,632,756

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian asasi untuk akaun ini

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	NOTA	2019 RM	2018 RM (Seperti yang dinyatakan semula)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebihan pendapatan sebelum caruman		1,420,642	1,172,109
Pelarasan:			
Susutnilai	3	628,834	716,493
Kerugian dari penjualan harta, loji dan peralatan		10,800	-
Hutang lapuk	4	26,250	2,851
Pemulihan hutang ragu	12	(6,200)	-
Pendapatan faedah		(78,612)	(37,747)
Lebihan kendalian sebelum perubahan modal kerja		2,001,714	1,853,706
Penambahan pelbagai penghutang		(49,396)	(39,735)
Penambahan bayaran terdahulu dan wang cagaran		(194,816)	(1,563)
Pengurangan pelbagai pemiutang		(3,431)	(23,200)
Penambahan/(Pengurangan) perbelanjaan terakru dan cagaran diterima		70,759	(11,140)
Bantuan kewangan untuk kebajikan		(107,097)	-
Bantuan kewangan untuk pelajaran		(201,986)	-
Bantuan kewangan untuk kebajikan dan pelajaran		(149,970)	-
Penambahan dalam tabung kebajikan		2,000	-
Penambahan dalam bantuan kewangan untuk kebajikan dan pelajaran		469,088	-
Tunai dihasilkan daripada aktiviti operasi		1,836,865	1,778,068
Faedah diterima		78,612	37,747
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi		1,915,477	1,815,815
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	3	(823,320)	(1,511,179)
Pelaburan simpanan tetap		(795,387)	(1,131,520)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan		(1,618,707)	(2,642,699)
LEBIHAN/(KURANGAN) DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		296,770	(826,884)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN		1,113,796	1,940,680
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	6	1,410,566	1,113,796

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian asasi untuk akaun ini

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

1. AKTIVITI UTAMA

Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (Lembaga) adalah Badan Berkanun Negeri Pulau Pinang yang ditubuhkan pada 1 Januari 1906 di bawah Ordinan Wakaf-wakaf Hindu (Ordinan 17), Tahun 1905 dan Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bab 175, Tahun 1989. Tujuan utama penubuhan Lembaga adalah untuk mentadbir, menyelenggara dan menyelia Wakaf-wakaf Hindu yang telah pun diberi atau akan diberi untuk maksud keagamaan, kebaikan, khairat dan untuk memberi manfaat termasuk pelajaran.

Penyata kewangan disahkan dan diluluskan untuk diisu oleh ahli jawatankuasa Lembaga pada

26 JUN 2020

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas perakaunan

Akaun-akaun Lembaga telah disediakan berdasarkan kelaziman kos sejarah dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia iaitu Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan juga peruntukan Akta Berkanun, 1960 di Malaysia.

Perkara 5 Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 9, Tahun 2017 telah menyebut bahawa pemakaian MPSAS sebagai piawaian perakaunan akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018.

Walaubagaimanapun, Lembaga menggunapakai MPSAS mulai tahun kewangan 2020 selaras dengan tempoh peralihan selama tiga tahun bagi penyediaan perlaksanaan perakaunan akruan.

Tabung Wakaf yang ditadbirkan dan diuruskan oleh Lembaga adalah seperti berikut:

Kuil-Kuil Waterfall
Kuil Sri Kunj Bihari
Kuil Sree Maha Mariamman Butterworth
Kuil Sri Ramar (dahulunya dikenali sebagai Kuil Ranee Dhoby Ghaut)
Kuil Sri Maha Mariamman Lebuh Queen Pulau Pinang
Akaun Lot 898 P.B.3
Kuil Sri Selva Vinayagar
Kuil Dewi Sree Veerapathra Maha Kaliamman
Kuil Dewi Sri Annai Thropathi Amman
Kuil Sri Sakthi Vinayagar

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING...SAMBUNGAN

(a) Asas perakaunan...sambungan

Sebelum November 2008, Lembaga hanya mengendalikan akaun berdasarkan Sistem Pengumpulan Pusat. Mengikut sistem ini, hanya satu (1) akaun bank utama (akaun pusat) sahaja yang dikendalikan dan diawasi oleh Lembaga. Lembaga akan menyalurkan peruntukan kepada kuil-kuil mengikut kepada keperluan.

Mulai November 2008, akaun bank berasingan dibuka untuk setiap kuil yang dikendalikan dan diawasi oleh Lembaga. Dengan ini wang tabung yang diterima dari setiap kuil diasingkan dalam akaun bank masing-masing.

(b) Anggaran dan pertimbangan perakaunan penting

(i) Perubahan anggaran

Anggaran adalah dinilai secara berterusan dan berdasarkan pengalaman sejarah dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah mengikut keadaan.

Para ahli jawatankuasa berpendapat bahawa tiada perubahan ketara dalam anggaran pada akhir tempoh laporan.

(ii) Pertimbangan kritikal dalam menggunakan polisi perakaunan

Tidak ada pertimbangan kritikal yang ketara dalam penggunaan dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

(iii) Sumber utama ketidakpastian anggaran

Tiada skop yang ketara ketidakpastian anggaran dalam menggunakan polisi perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

(c) Hartanah, loji dan peralatan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai terkumpul.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING...SAMBUNGAN

(c) Hartanah, loji dan peralatan...sambungan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran...sambungan

Kos termasuk perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan aset dan sebarang kos lain yang secara langsung untuk membawa aset kepada keadaan bekerja untuk kegunaan yang dimaksudkan, dan kos merungkai dan mengalih barangan dan menggunakan tapak di mana mereka berada. Kos aset yang dibina sendiri juga termasuk kos bahan dan buruh langsung. Kos juga termasuk pengangkutan dari ekuiti sebarang keuntungan atau kerugian atas lindung nilai yang layak pembelian mata wang asing hartanah, loji dan peralatan.

Keuntungan atau kerugian atas pelupusan sesuatu hartanah, loji dan peralatan ditentukan dengan membandingkan perolehan daripada pelupusan dengan amaun dibawa bagi hartanah, loji dan peralatan dan diiktiraf bersih dalam "pendapatan lain" atau "perbelanjaan operasi lain" dalam keuntungan atau kerugian.

Lembaga menilai semula hartanah, loji dan peralatannya yang terdiri daripada emas dan perhiasan setiap tahun dan pada tempoh yang lebih pendek apabila nilai saksama aset dinilai semula dijangka akan berbeza secara material daripada nilai buku.

Lebihan yang timbul daripada penilaian semula diuruskan dalam akaun rizab penilaian semula. Sebarang defisit yang timbul akan diambil kira dalam rizab penilaian semula setakat peningkatan sebelumnya bagi aset yang sama. Dalam semua kes-kes lain, penurunan dalam jumlah yang dibawa dicaj kepada penyata pendapatan.

(ii) Kos berikutnya

Kos menggantikan komponen sesuatu hartanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam amaun dibawa item tersebut jika terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang terkandung dalam komponen tersebut akan mengalir kepada Lembaga, dan kosnya boleh diukur dengan pasti. Amaun dibawa bagi komponen yang diganti tidak diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Kos penyelenggaraan hari ke hari hartanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ditanggung.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING...SAMBUNGAN

(c) Hartanah, loji dan peralatan...sambungan

(iii) Susut nilai

Tanah pegangan bebas dan kerja dalam proses tidak dikenakan susut nilai.

Susut nilai adalah berdasarkan kepada kos aset ditolak nilai baki. Komponen penting aset individu dinilai, dan jika komponen mempunyai hayat berguna yang berbeza daripada baki aset itu, maka komponen tersebut di susut nilai secara berasingan.

Susut nilai diiktiraf dalam untung atau rugi mengikut kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat kegunaan setiap komponen sesuatu hartanah, loji dan peralatan dari tarikh ia sedia untuk digunakan. Aset pajakan di susut nilai lebih pendek antara tempoh pajakan dan hayat kegunaannya melainkan ia adalah kepastian yang munasabah bahawa Lembaga akan mendapat hak milik pada akhir tempoh pajakan. Anggaran hayat kegunaan bagi tempoh semasa dan perbandingan adalah seperti berikut:

Kadar susut nilai tahunan yang utama adalah:

Bangunan	2%
Ubahsuai kuil	2%
Emas dan perhiasan	0% - 20%
Pedati emas	2%
Alat kelengkapan	10%
Kuil – kuil	2%
Kenderaan bermotor	20%

(d) Instrumen ekuiti

Instrumen yang dikelaskan sebagai ekuiti diukur pada kos pada pengiktirafan awal dan tidak diukur semula kemudiannya.

(i) Belanja terbitan

Kos yang berkaitan langsung dengan isu instrumen yang dikelaskan sebagai ekuiti diiktiraf sebagai potongan daripada ekuiti, bersih daripada sebarang berkaitan manfaat cukai pendapatan.

(ii) Modal saham

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING...SAMBUNGAN

(e) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf jika, akibat daripada peristiwa yang lalu, Lembaga mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif yang boleh dianggarkan dengan pasti, dan berkemungkinan bahawa aliran keluar manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Peruntukan ditentukan dengan mendiskaun aliran tunai masa hadapan pada kadar sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus kepada liabiliti. Penamatan diskaun adalah diiktiraf sebagai kos kewangan.

(f) Hasil dan pendapatan lain

(i) Fi pengurusan dari Lembaga

Sehingga 31 Disember 2016

Lembaga mengenakan fi pengurusan sebanyak 20% (20% mulai November 1990 yang mana 3% kenaikan adalah kutipan untuk Tabung Pelajaran dan 2% diperuntukkan kepada Tabung Kebajikan mulai Oktober 1991) terhadap pendapatan kasar dari wakaf-wakaf bagi tugas mengurus dan mentadbir aktiviti wakaf-wakaf sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Ordinan. Kutipan derma untuk Tabung Pelajaran dan Tabung Bangunan tidak dikenakan fi pengurusan disebabkan tabung tersebut bukanlah wakaf.

Mulai 1 Januari 2017

Lembaga mengenakan fi pengurusan sebanyak 20% untuk Tabung Kebajikan dan Pelajaran terhadap sewa dari wakaf-wakaf. Wang/Pengurusan Tabung Pelajaran dan Tabung Bangunan tidak dikenakan fi pengurusan disebabkan tabung tersebut bukanlah wakaf.

ii) Kutipan dari kuil-kuil

Kutipan dari kuil-kuil diiktirafkan secara tunai.

iii) Pendapatan lain

Pendapatan faedah dari simpanan tetap dan kutipan sewa diiktiraf berasaskan akruan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING...SAMBUNGAN

(g) Faedah-faedah pekerja

(i) Faedah jangka pendek

Upah, penggajian, caruman keselamatan sosial, bonus dan faedah-faedah bukan berbentuk wang diakru dalam tempoh kewangan di mana perkhidmatan berkaitan dilakukan oleh pekerja Lembaga.

(ii) Rancangan caruman tetap

Lembaga membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan PERKESO. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan seperti yang ditanggung. Apabila caruman dibayar, Lembaga tiada obligasi bayaran lagi.

(h) Cukai pendapatan

Perbelanjaan cukai pendapatan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa dan cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali pada tahap di mana ia berkaitan dengan penggabungan perniagaan atau butiran yang diiktiraf terus dalam ekuiti atau pendapatan komprehensif lain.

Cukai semasa adalah cukai yang kena dibayar yang dijangka atau boleh diterima ke atas pendapatan atau kerugian boleh cukai bagi tahun ini, dengan menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada akhir tempoh laporan, dan sebarang pelarasan kepada cukai perlu dibayar bagi tahun-tahun kewangan sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara antara amaun dibawa aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan dan asas cukainya. Cukai tertunda tidak diiktiraf untuk perbezaan sementara berikut: pengiktirafan awal muhibah, pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan tidak menjejaskan sama ada perakaunan atau untung atau rugi boleh cukai. Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan pada perbezaan sementara apabila ia dibalikkan, berdasarkan undang-undang yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada akhir tempoh laporan.

Jumlah cukai tertunda yang diiktiraf diukur berdasarkan jangkaan cara realisasi atau penyelesaian nilai dibawa aset dan liabiliti, menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh laporan. Aset dan liabiliti cukai tertunda tidak diskaun.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING...SAMBUNGAN

(h) Cukai pendapatan...sambungan

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi jika terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi liabiliti dan aset cukai semasa, dan ia berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama pada entiti boleh dicukai yang sama, atau ke atas entiti cukai yang berbeza, tetapi mereka bercadang untuk menyelesaikan aset dan liabiliti cukai semasa pada asas bersih atau aset dan liabiliti cukai mereka akan direalisasikan pada masa yang sama.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai masa hadapan akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh digunakan. Aset cukai tertunda disemak pada setiap akhir tempoh pelaporan dan dikurangkan setakat yang ia tidak lagi berkemungkinan bahawa faedah cukai berkaitan akan direalisasi.

(i) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki dan deposit di bank dan pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko perubahan dalam nilai saksama dengan tempoh matang asal tiga bulan atau kurang, dan digunakan oleh Lembaga dalam pengurusan komitmen jangka pendek. Ini juga termasuk overdraf bank yang merupakan sebahagian daripada pengurusan tunai Lembaga.

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2019	KOS					SUSUTNILAI TERKUMPUL					NILAI BUKU BERSIH
	Baki pada 1 Januari	Tambahan / Pelarasan	Pelupusan	Pelarasan klasifikasi semula	Baki pada 31 Disember	Baki pada 1 Januari	Tambahan / Pelarasan	Pelupusan	Pelarasan klasifikasi semula	Baki pada 31 Disember	2019
BANGUNAN	5,610,708	48,160	-	(1,517,058)	4,141,810	3,101,102	41,448	-	(516,780)	2,625,770	1,516,040
UBAHSUAI KUIL	7,865,663	306,999	-	-	8,172,662	667,346	147,765	-	-	815,111	7,357,551
EMAS DAN PERHIASAN	183,469	13,504	-	(429)	196,544	54,681	30,518	-	(129)	85,070	111,474
PEDATI EMAS	-	-	-	1,517,058	1,517,058	-	30,341	-	516,780	547,121	969,937
ALAT PELENGKAPAN	1,788,850	104,597	(12,000)	429	1,881,876	1,014,734	146,445	(1,200)	129	1,160,108	721,768
KUIL - KUIL	11,076,500	-	-	-	11,076,500	2,126,217	232,317	-	-	2,358,534	8,717,966
KENDERAAN BERMOTOR	168,120	-	-	-	168,120	168,119	-	-	-	168,119	1
TANAH PEGANGAN PAJAK	10	-	-	10	20	-	-	-	-	-	20
TANAH PEGANGAN BEBAS	362,560	-	-	(10)	362,550	-	-	-	-	-	362,550
KERJA DALAM PROSES	-	350,060	-	-	350,060	-	-	-	-	-	350,060
	27,055,880	823,320	(12,000)	-	27,867,200	7,132,199	628,834	(1,200)	-	7,759,833	20,107,367

Termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan adalah nilai tanah pegangan pajak (2) dan tanah pegangan bebas (33) yang dinilaikan pada nilai nominal RM10 setiap satu dan tanah pegangan bebas (3) yang dibeli dengan harga RM351,353.

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN...SAMBUNGAN

2018	KOS				SUSUTNILAI TERKUMPUL				NILAI BUKU BERSIH
	Baki pada 1 Januari	Tambahan / Pelarasan	Pelarasan klasifikasi semula	Baki pada 31 Disember	Baki pada 1 Januari	Tambahan / Pelarasan	Pelupusan / Hapus kira	Baki pada 31 Disember	2018
BANGUNAN	5,412,818	197,890	-	5,610,708	2,888,416	212,686	-	3,101,102	2,509,606
UBAHSUAI KUIL	6,961,179	904,484	-	7,865,663	537,002	130,344	-	667,346	7,198,317
EMAS DAN PERHIASAN	183,469	-	-	183,469	48,214	6,467	-	54,681	128,788
ALAT PELENGKAPAN	1,473,712	315,138	-	1,788,850	869,104	145,630	-	1,014,734	774,116
KUIL - KUIL	10,413,421	82,800	580,279	11,076,500	1,908,687	217,530	-	2,126,217	8,950,283
KENDERAAN BERMOTOR	168,120	-	-	168,120	164,283	3,836	-	168,119	1
TANAH PEGANGAN PAJAK	10	-	-	10	-	-	-	-	10
TANAH PEGANGAN BEBAS	351,693	10,867	-	362,560	-	-	-	-	362,560
KERJA DALAM PROSES	580,279	-	(580,279)	-	-	-	-	-	-
	25,544,701	1,511,179	-	27,055,880	6,415,706	716,493	-	7,132,199	19,923,681

4. PELBAGAI PENGHUTANG

	Nota	2019 RM	2018 RM
Faedah akan diterima		30,336	-
Penghutang dari lain-lain		19,000	-
Penghutang dari sewa	a	61,980	81,970
		111,316	81,970
(a) Penghutang dari sewa pada 31 Disember		90,674	116,864
Tolak: Peruntukan hutang ragu terkumpul			
Baki pada 1 Januari		(34,894)	(45,734)
Pemulihan		6,200	10,840
Baki pada 31 Disember		(28,694)	(34,894)
		61,980	81,970

Pada tahun semasa, RM26,250 (2018: RM2,851) tidak melalui peruntukan hutang ragu dan terus menjadi hutang lapuk.

Amaun terhutang adalah berjumlah RM65,000 pada tahun 2009. Sehingga tahun semasa, Lembaga telah berjaya mengutip semula sebanyak RM39,050 daripada amaun terhutang tersebut.

Baki amaun terhutang tersebut adalah RM25,950 yang dihutang oleh bekas penolong setiausaha yang dianggap telah menyalahgunakan wang Lembaga. Perkara ini telah dilaporkan kepada polis dan sehingga kini tidak dapat dikutip balik hutang tersebut. Jadi, pada tahun semasa, Pihak Lembaga telah membuat keputusan untuk menghapuskira baki amaun tersebut.

Penghutang dari sewa merangkumi hutang tertunggak bagi pendapatan sewa. Syarat kredit bayaran bagi penerimaan sewa adalah 1 hingga 30 hari. Pihak Lembaga telah melakukan inisiatif dengan sentiasa mengemaskini kedudukan hutang dan status pembayaran balik melalui surat dengan penghutang sewa bagi memastikan tiada hutang tertunggak yang tidak dapat dikutip.

Tumpuan risiko kredit bagi penerimaan sewa adalah terhad disebabkan bilangan pelanggan kumpulan yang besar. Pihak pengurusan percaya bahawa tiada risiko kredit dengan hutang tersebut dan percaya semua sewa tertunggak dapat dikutip.

5. BAYARAN TERDAHULU DAN WANG CAGARAN

	2019 RM	2018 RM
Bayaran terdahulu	206,337	12,219
Wang Cagaran	62,498	61,800
	268,835	74,019

6. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2019 RM	2018 RM (Seperti yang dinyatakan semula)
Simpanan tetap di bank berlesen	2,511,363	1,448,666
Baki di bank	826,011	796,578
Tunai di tangan	99	72
Seperti penyata kedudukan kewangan	3,337,473	2,245,316
Kurang: Pelaburan simpanan tetap	(1,926,907)	(1,131,520)
Seperti penyata aliran tunai	1,410,566	1,113,796

Simpanan tetap lebih daripada 3 bulan adalah dianggap pelaburan simpanan tetap.

Kadar faedah simpanan tetap pada 31 Disember adalah seperti berikut:

	Kadar faedah 2019 %	Kadar faedah 2018 %
Simpanan tetap di bank berlesen	2.90 – 3.35	2.95 – 3.35

7. PELBAGAI PEMIUTANG

	2019 RM	2018 RM
Pelbagai pemiutang	5,250	13,081
Pendapatan pendahuluan	20,000	15,600
	25,250	28,681

8. PERBELANJAAN TERAKRU DAN CAGARAN DITERIMA

	2019 RM	2018 RM (Seperti yang dinyatakan semula)
Perbelanjaan terakru	44,406	22,948
Cagaran diterima	122,579	73,278
	166,985	96,226

Cagaran terima merupakan cagaran diterima daripada penyewa.

9. RIZAB AM

Rizab am merangkumi:

i) Bayaran ganti rugi yang diterima oleh Lembaga bagi sebahagian tanah Lot 900, Seksyen 3, Daerah Timur Laut, Georgetown, Pulau Pinang yang telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri menurut Akta Pengambilan Tanah, 1960 (Seksyen 16) dalam tahun 1991.

ii) Bayaran ganti rugi yang diterima oleh Lembaga bagi sebahagian tanah Lot 421, TS 21, NED, Pulau Pinang yang telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri menurut Akta Pengambilan Tanah, 1960 (Seksyen 16) dalam tahun 1982.

iii) Bayaran ganti rugi yang diterima oleh Lembaga bagi sebahagian tanah Lot 853 dan 857, Mukim 15, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang yang telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri menurut Akta Pengambilan Tanah, 1960 (Seksyen 16) dalam tahun 1973.

iv) Nilai nominal sebanyak RM350 direkodkan untuk 33 bidang tanah milik bebas dan 2 bidang tanah pajakan.

10. RIZAB PENILAIAN SEMULA

Pada tahun 2013, Lembaga membuat penilaian semula bagi bongkah emas dan perak dan penilaian semula tersebut bernilai RM640,818.

11. KEUNTUNGAN TERKUMPUL

	2019 RM	2018 RM (Seperti yang dinyatakan semula)
Baki pada 1 Januari	19,464,754	18,414,141
Lebihan pendapatan selepas caruman	1,353,233	1,110,613
Pelarasan tahun lalu	-	(60,000)
	20,817,987	19,464,754

12. PENDAPATAN OPERASI

	2019 RM	2018 RM (Seperti yang dinyatakan semula)
Bantuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang	1,200,000	1,500,000
Peruntukan khas dari Pejabat Timbalan Ketua Menteri (II)	20,000	110,000
Pemberian dari Kementerian Kewangan	700,000	-
Kutipan perayaan	1,687,103	2,489,099
Kutipan untuk 'tombstone' dan 'headstone'	517,555	433,300
Pendapatan dari Dewan Serbaguna – Kuil Butterworth	201,188	240,724
Sumbangan diterima	703,880	708,587
Kutipan jualan tiket archanai	314,170	290,184
Pelbagai pendapatan	437,501	456,907
Pemulihan hutang ragu	6,200	-
	5,787,597	6,228,801

13. PENDAPATAN OPERASI LAIN

	2019 RM	2018 RM
Faedah atas simpanan akaun semasa di bank berlesen	-	22
Faedah atas simpanan tetap di bank berlesen	78,612	37,725
Sewa diterima	627,990	572,155
	706,602	609,902

14. PERBELANJAAN PENGURUSAN

	2019 RM	2018 RM
Bayaran audit		
- Tahun semasa	15,254	4,600
- Tahun terdahulu	1,686	-
Bayaran perakaunan	20,000	15,000
Bayaran pos	804	457
Cetakan dan alatulis	32,975	31,302
Insuran	66,849	71,207
Permit kerja	240	3,940
Bayaran professional	80,217	84,092
	218,025	210,598

15. BANTUAN KEWANGAN UNTUK PENDIDIKAN DAN KEBAJIKAN

	2019 RM	2018 RM
Bantuan kewangan untuk pendidikan	-	265,200
Bantuan kewangan untuk kebajikan	-	279,862
	-	545,062

16. PERBELANJAAN OPERASI

	2019 RM	2018 RM
Bayaran telefon	15,528	15,350
Belanja perayaan	1,068,017	1,328,754
Belanja perjalanan	30,576	40,152
Belanja pengiklanan	11,720	4,550
Belanja perubatan	1,105	1,086
Cukai jalan	3,724	4,184
Derma dan hadiah	173,252	500
Elektrik dan air	285,667	286,857
Hutang lapuk	26,250	2,851
Kerugian dari penjualan harta, loji dan peralatan	10,800	-
Komisen	333,050	272,584
Makanan dan minuman	40,684	40,640
Pelbagai perbelanjaan	279,069	381,683
Pembaikan dan penyelenggaraan	205,178	207,257
Penalti dan denda	-	4,680
Susutnilai	628,834	716,493
Perbelanjaan untuk premis yang disewakan	17,986	36,149
Perbelanjaan pemujaan	81,377	93,430
Perbelanjaan pengebumian dan 'tombstone'	227,206	197,187
	3,440,023	3,634,387

17. PERBELANJAAN PEKERJA

	2019 RM	2018 RM
Gaji, gratuiti, elaun dan bonus	1,345,570	1,208,592
KWSP	59,122	58,240
SOCSO	9,054	7,181
	1,413,746	1,274,013
Bilangan pekerja pada akhir tahun	53	52

18. KOS KEWANGAN

	2019 RM	2018 RM
Bayaran perkhidmatan bank	1,763	2,534

19. KOMITMEN MODAL

	2019 RM	2018 RM
Diluluskan, dikontrakkan tetapi tidak diperuntukkan		
- Jentera Pembakaran Mayat	250,000	-
- Pedati Emas	465,986	-
	715,986	-

20. MAKLUMAT PERBANDINGAN

Angka perbandingan tertentu telah dinyatakan semula untuk disesuaikan kepada Penyata dan Nota-nota berikut. Tiada kesan ketara terhadap prestasi kewangan berhubung dengan tahun berakhir 31 Disember 2019.

	Penyataan sebelum RM	Pelarasan RM	Penyataan semula RM
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN			
Bayaran terdahulu	12,219	(12,219)	-
Wang Cagaran	61,800	(61,800)	-
Bayaran terdahulu dan wang cagaran	-	74,019	74,019
Tabung Kebajikan dan Pelajaran	84,603	60,000	144,603
Keuntungan terkumpul	19,524,754	(60,000)	19,464,754
PENYATA ALIRAN TUNAI			
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pelaburan simpanan tetap	-	1,131,520	1,131,520
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	2,245,316	(1,131,520)	1,113,796

20. MAKLUMAT PERBANDINGAN...SAMBUNGAN

	Penyataan sebelum RM	Pelarasan RM	Penyataan semula RM
NOTA-NOTA KEPADA AKAUN			
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI (NOTA 6)			
Simpanan tetap di bank berlesen	1,448,666		1,448,666
Baki di bank	796,578		796,578
Tunai di tangan	72		72
Seperti penyata kedudukan kewangan	2,245,316		2,245,316
Kurang: Pelaburan simpanan tetap	-	(1,131,520)	(1,131,520)
Seperti penyata aliran tunai	2,245,316		1,113,796
PENDAPATAN OPERASI (NOTA 10)			
Bantuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang	1,510,000	(10,000)	1,500,000
Kutipan perayaan	2,479,099	10,000	2,489,099